



**SOALAN LAZIM (FAQ)  
BERKAITAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**

**KEMENTERIAN INFRASTRUKTUR DAN PEMBANGUNAN PELABUHAN  
SARAWAK**

- 1. Adakah sektor pembinaan tertakluk kepada Perintah Kawalan Pergerakan (Perintah) yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri?**

Ya. Ini bermakna semua kerja-kerja pembinaan dan penyenggaraan perlu diberhentikan.

- 2. Adakah terdapat pengecualian terhadap mana-mana industri pembinaan dan penyenggaraan dari Perintah tersebut?**

Ada iaitu bagi kerja-kerja kritikal.

- 3. Apakah yang dimaksudkan dengan kerja-kerja kritikal?**

Kerja-kerja kritikal adalah kerja-kerja yang mana jika sekiranya tidak diteruskan boleh mendatangkan mara bahaya atau kemudaratan kepada pekerja, orang awam atau persekitaran.

- 4. Apakah contoh kerja-kerja kritikal?**

Contoh kerja-kerja kritikal adalah seperti berikut:

- a) Pembaikan Cerun;
- b) Penampalan Pothole;
- c) Traffic Management Control (TMC);
- d) Pemeriksaan berkala lif / travelator / escalator dan lain-lain peralatan mekanikal dan elektrik yang kritikal;
- e) Pembaikan lif / travelator / escalator dan lain-lain peralatan mekanikal dan elektrik yang kritikal yang rosak;
- f) Kerja-kerja penyenggaraan di premis-premis perkhidmatan kritikal;
- g) Kerja-kerja naik taraf fasiliti di premis-premis perkhidmatan kritikal;
- h) Pembaikan traffic light;
- i) Pembinaan Bailey Bridge di lokasi jambatan roboh;
- j) Kerja-kerja Tunneling
- k) Kerja-kerja kecemasan yang termaktub dalam perjanjian kontrak;
- l) Kerja-kerja penyelenggaraan, pembersihan dan pengeringan air bertakung, penyemburan racun serangga di tapak bina bagi mengelakkan pembiakan nyamuk Aedes dan lain-lain haiwan perosak; dan

- m) Kerja-karya lain yang jika tidak disempurnakan boleh mendatangkan bahaya.

**5. Bolehkah semua kontraktor memulakan semula kerja dalam tempoh PKPB?**

Tidak. Hanya kontraktor-kontraktor bagi projek peruntukan Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan, Projek Rakyat dan *Alternative Fund* yang dibenarkan adalah berdasarkan kriteria-kriteria seperti berikut:

- a) Projek-projek hendaklah terletak di Daerah-Daerah Zon Hijau;
- b) Tiada pergerakan masuk tenaga kerja, bahan-bahan binaan dan mesin / peralatan dari luar kawasan zon hijau;
- c) Pekerja-pekerja merupakan orang tempatan;
- d) Projek yang telah disahkan mencapai kemajuan fizikal 90% ke atas;
- e) Kerja-karya penyelenggaraan; dan
- f) Kerja-karya lain yang jika tidak disempurnakan boleh mendatangkan bahaya.

Bagi kontraktor-kontraktor *Rural Transformation Projects* (RTP) yang dibenarkan adalah berdasarkan kriteria-kriteria seperti berikut:

- a) Projek-projek hendaklah terletak di Daerah-Daerah Zon Hijau;
- b) Tiada pergerakan masuk tenaga kerja, bahan-bahan binaan dan mesin / peralatan dari luar kawasan zon hijau;
- c) Projek-projek yang telah bermula sebelum 18 Mac 2020; dan
- d) Projek-projek belum bermula yang menggunakan kaedah pelaksanaan gotong royong membabitkan masyarakat tempatan.

**6. Bagaimanakah permohonan memulakan semula kerja boleh dilakukan?**

Permohonan tersebut perlulah mendapat syor daripada Pegawai Penguasa/ Pengarah/Pengurus Projek Projek bagi projek-projek Kerajaan.

Selepas mendapat syor, permohonan memulakan semula kerja boleh di panjangkan kepada Pengarah Kerja Raya Sarawak.

Kontraktor-kontraktor yang terlibat dalam projek-projek yang layak adalah diwajibkan untuk mengemukakan pelan kesihatan kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak secara bertulis. Pelan kesihatan ini adalah selaras untuk memenuhi syarat *Sarawak Protection of Public Health 1999 (Measure on the Carrying Out of Activities in Infected Local Areas) Order 2020*.

**7. Adakah kontraktor boleh membuat apa-apa tuntutan kepada Kerajaan terhadap kerugian yang dialami akibat dari pelaksanaan Perintah tersebut?**

Tidak. Kerajaan tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas apa-apa kerugian kerana penyebaran wabak ini adalah sesuatu yang di luar kawalan Kerajaan.

**8. Adakah projek-projek yang terkesan dengan pelaksanaan Perintah ini boleh diberi pelanjutan masa?**

Ia bergantung kepada klausa kontrak yang telah ditandatangani.

**9. Siapakah yang boleh dihubungi bagi mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya ada sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara ini, boleh hubungi talian hotline yang disediakan di 082-203100, faks: 082-429679/082-429789 atau emel: [corporatejkr@gmail.com](mailto:corporatejkr@gmail.com)

KEMENTERIAN INFRASTRUKTUR DAN PEMBANGUNAN PELABUHAN  
SARAWAK  
06 MEI 2020